

141

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10588

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada polis masih menyiasat isu penukaran milik Tanah Jalan Semarak FELDA yang dikatakan mempunyai elemen fraud jenayah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memelihara ketuanpunyaan tanah tersebut dan tindakan yang akan diambil sama ada secara jenayah ataupun lain terhadap mereka yang terlibat dalam proses memindah milikan tanah tersebut sekiranya perlu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah menjalankan siasatan berkait report THSL 36636/2017 dan THSL 38223/2017 mengenai isu pindah milik tanah FELDA di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Penipuan).

Sehingga kini, seramai 15 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara pada 24 Januari 2018 dan dikembalikan semula pada 26 Januari 2018 dengan beberapa arahan diberikan untuk diambil tindakan oleh pihak polis.

Kementerian tidak dapat mendedahkan maklumat lanjut berkaitan perkara ini kerana ia masih dalam siasatan pihak polis.